

Identiti Malaysia semakin pupus

KUALA LUMPUR 28 Dis. - Malaysia berhadapan krisis identiti yang serius jika negara terus menerus membenarkan pemikiran dan mentaliti rakyat dijajah dengan mengagungkan budaya luar berbanding peradaban tempatan dalam kehidupan harian.

Dekan Fakulti Ekologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Zaid Ahmad** berkata, keadaan sekarang jelas mencerminkan masyarakat di Malaysia lebih memilih untuk mengangkat ideologi Barat yang kononnya lebih komersial dan menolak imej Malaysia sedikit demi sedikit.

"Kita sudah merdeka lebih setengah abad, tapi sayangnya pemikiran kita masih dijajah. Lihat sahaja nama tempat, jalan, bangunan atau projek perumahan yang baru membangun, kebanyakannya menggunakan nama dan istilah Inggeris, Perancis atau negara Eropah lain.

"Apa sebenarnya yang kita cuba buktikan. Kemajuan hari ini bukan satu alasan untuk kita mengene-pikan identiti ketimuran kerana untuk membina peradaban kita, maka identiti itu tidak seharusnya dihapuskan tetapi didaulatkan," katanya ketika ditemui *Utusan*

Malaysia, baru-baru ini.

Menurut beliau, isu penamaan tempat yang menjurus ke arah kebaratan bukan suatu perkara baharu tetapi masalah itu masih berlaku kerana sikap kurang mementingkan nilai-nilai ke-Malaysiaan serta komitmen dan kesungguhan politik yang tidak berterusan.

Jelasnya, ada sesetengah pihak yang menganggap bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu tiada nilai glamor dan perlu digantikan dengan bahasa lain bagi memberi nilai tambah kepada harga pasaran.

"Kita tidak menolak arus pembangunan, seperti di Jepun mereka tidak pula memilih nama-nama Barat untuk melambangkan kemajuan mereka. Namun di sini, ada sahaja nama-nama pelik digunakan untuk projek perumahan atau tempat baharu.

"Sebagai rakyat Malaysia, saya amat sedih jika tiada tindakan se-wajarnya diambil bagi menangani isu ini. Perlu ada penguatkuasaan yang lebih ketat daripada pihak berwajib sebelum meluluskan sebarang penggunaan istilah atau nama yang tidak melambangkan jati diri kita," jelasnya.